

#### **14 PEMBELIAN MUHIBAH(SAMBUNGAN)**

Pembelian muhibah mewakili lebihan amaun yang dibayar bagi pembelian perniagaan oleh subsidiari Syarikat daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu terhadap aset bersih yang diperolehi berdasarkan Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Syarikat.

#### **15 HARTANAH DALAM PEMBINAAN DAN UNTUK DIJUAL**

##### **Kumpulan**

	<b>2003 RM</b>	<b>2000 RM</b>
Hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual, pada kos Tolak: Kerugian terkumpul dijangka	15,359,586 (4,000,000)	15,309,586 (4,000,000)
	11,359,586	11,309,586

Hartanah dalam pembinaan dan dimiliki untuk dijual adalah berkaitan dengan pembayaran kemajuan kepada pemaju bagi rumah-rumah yang dibeli oleh subsidiari, Bintulu Port Sdn. Bhd. berhubungan dengan projek perumahan staf subsidiari di Bintulu. Projek diabaikan pada 2001. Untuk itu, subsidiari telah mengeluarkan notis penamatan kerja kepada pemaju pada 30 Jun 2003, dan telah menguasai tapak projek. Sehubungan dengan ini, pemaju telah pada November 2003, mengemukakan tuntutan sebanyak RM13,881,027 kepada Bintulu Port Sdn. Bhd. dan ia telah menzahirkan hasratnya menyelesaikan tuntutan dengan cara baik. Tuntutan ini dinyatakan sebagai liabiliti luarjangka dalam Nota 33 penyata kewangan.

Selain daripada itu, Syarikat telah melantik Syarikat Perumahan Negara Berhad sebagai pemaju yang baru untuk menyiapkan projek. Kini, Kumpulan sedang memuktamadkan syarat dan peraturan untuk menyiapkan projek itu dengan pemaju baru.

#### **16 PENGHUTANG PERDAGANGAN**

##### **Kumpulan**

	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Penghutang perdagangan Tolak: Peruntukan hutang ragu	18,121,230 -	13,717,571 (73,048)
	18,121,230	13,644,523

Urus niaga dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Termasuk dalam penghutang perdagangan adalah hutang-hutang daripada Malaysia LNG Sdn. Bhd., ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., MISC Agencies (Sarawak) Sdn. Bhd. and PS Terminal Sdn. Bhd. berjumlah RM12,177,952 (2002: RM7,686,487), RM70,205 (2002: RM106,530), RM128,541 (2002: RM333,530) dan RM66,343 (2002: RM79,001), masing-masingnya. Semua syarikat berkenaan merupakan subsidiari kepada pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad.

Tempoh syarat kredit perdagangan biasa Kumpulan ialah 15 hingga 45 hari. Syarat-syarat lain kredit akan dinilai dan diluluskan mengikut kes.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang mungkin timbul daripada pendedahan pada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

## NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

### 17 LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
Amaun daripada subsidiari	-	-	51,793	-
Amaun daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu	49,911,514	33,564,941	-	-
Pinjaman staf	5,256,664	6,501,298	-	-
Prabayaran	380,588	1,455,479	-	-
Pelbagai Penghutang	<u>7,862,191</u>	<u>8,769,587</u>	<u>1,942,386</u>	<u>3,298,044</u>
	<u>63,410,957</u>	<u>50,291,305</u>	<u>1,994,179</u>	<u>3,298,044</u>

Jumlah hutang kepada subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran yang tetap.

Ini merupakan amaun pembayaran bagi pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu berkaitan dengan kerja pembinaan dan menaik taraf struktur pelabuhan dan fasiliti-fasiliti lain yang dilaksanakan olehnya. Jumlah hutang adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran yang tetap.


Selain daripada amaun tertunggak daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu, Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang berkemungkinan timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

Hutang lain adalah dalam Ringgit Malaysia.

### 18 SEKURITI BOLEH NIAGA

	Kumpulan	
	2003 RM	2002 RM
Pelaburan disebut di Malaysia, pada kos		
Saham perbadanan	-	33,627,748
Sekuriti hutang persendirian	-	79,000
Saham amanah	<u>-</u>	<u>12,300,000</u>
Tolak: Amaun yang dikurang nilai	<u>-</u>	<u>46,006,748</u>
	<u>-</u>	<u>(12,376,066)</u>
	<u>-</u>	<u>33,630,682</u>
Nilai pasaran:		
Saham perbadanan	-	24,372,702
Sekuriti hutang persendirian	-	64,780
Saham amanah	<u>-</u>	<u>9,193,200</u>
	<u>-</u>	<u>33,630,682</u>

Semua sekuriti boleh niaga telah dijual pada akhir tahun kewangan.



## 19 SIMPANAN JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
Instrumen pasaran kewangan Diperoleh di bawah perjanjian pembelian semula	25,500,000	21,197,145	-	-
Simpanan dengan:				
- bank berlesen	308,995,360	328,191,014	210,643,000	211,943,000
- syarikat kewangan berlesen	108,493,218	76,662,047	21,500,000	29,000,000
	<b>442,988,578</b>	<b>426,050,206</b>	<b>232,143,000</b>	<b>240,943,000</b>

Simpanan Kumpulan dan Syarikat dengan bank berlesen berjumlah RM2,633,000 (2002: RM2,633,000) dan RM18,000 (2002: RM18,000) masing-masingnya dicagarkan sebagai kemudahan jaminan bank bagi Kumpulan dan Syarikat.

Simpanan jangka pendek dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Kadar faedah setahun bagi simpanan jangka pendek yang berkuatkuasa pada 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 %	2002 %	2003 %	2002 %
Bank berlesen	2.40 – 4.24	2.66 – 4.30	2.52 – 4.24	3.10 - 4.12
Syarikat kewangan berlesen	2.53 – 3.70	2.66 – 4.25	2.65 – 3.70	2.86 - 4.00
Instrumen pasaran kewangan diperoleh di bawah perjanjian semula	2.00 – 2.40	2.00 – 2.60	-	-
	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>—</b>

Simpanan Kumpulan dan Syarikat mempunyai tempoh purata kematangan 1 hingga 365 hari. (2002: 2 hingga 91 hari) dan 182 hingga 365 hari (2002: 182 hingga 365 hari), masing-masingnya.

## NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

### 20 PEMIUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
Hutang kepada subsidiari	-	-	938,764	716,500
Berbayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu	16,287,587	7,650,745	-	-
Akruan	4,427,352	4,681,935	-	-
Pelbagai pembiayaan	<u>26,444,808</u>	<u>7,041,775</u>	<u>141,112</u>	<u>53,516</u>
	<u>47,159,747</u>	<u>19,374,455</u>	<u>1,079,876</u>	<u>770,016</u>

Pelbagai pembiayaan Kumpulan termasuk amaun sebanyak RM250,954 (2002: RM180,037) yang mewakili amaun yang perlu dibayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pelan sumbangan wajib nasional. Sebaik sahaja sumbangan tersebut telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai komitmen bayaran lain.


Amaun berbayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah tidak bercagar, tanpa faedah, dan tanpa syarat tetap pembayaran balik.

Jumlah yang perlu dibayar kepada subsidiari adalah tidak dircagar, tanpa faedah, dan tidak mempunyai syarat pembayaran yang tetap.

Bayaran dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

### 21 MODAL SAHAM

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
<b>Dibenarkan</b>				
Saham Biasa RM1 sesaham 1,000,000,000 saham biasa RM1 sesaham	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>
Satu saham keutamaan boleh Tebus berhak istimewa bernilai RM1 sesaham ("Saham Istimewa")	<u>1</u>	<u>1</u>	<u>1</u>	<u>1</u>
	<u>1,000,000,001</u>	<u>1,000,000,001</u>	<u>1,000,000,001</u>	<u>1,000,000,001</u>



## 21 MODAL SAHAM (continued)

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
<b>Terbitan dan dibayar sepenuhnya</b>				
Saham biasa RM1 sesaham:				
Pada permulaan dan akhir tahun kewangan	<u>400,000,000</u>	<u>400,000,000</u>	<u>400,000,000</u>	<u>400,000,000</u>
Satu hak istimewa Saham keutamaan boleh tebus bernilai RM1:				
Pada permulaan dan akhir tahun kewangan	1	1	1	1
	<u>400,000,001</u>	<u>400,000,001</u>	<u>400,000,001</u>	<u>400,000,001</u>

### Saham Istimewa

Saham Istimewa hanya boleh dimiliki atau dipindah milik kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) atau pengganti beliau atau mana-mana wakil Menteri, atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Kerajaan Malaysia, mempunyai hak istimewa seperti terkandung dalam Perkara 15A dan 109A Tataurusan Syarikat. Hak istimewa ini termasuk:

- (i) hak melantik tidak melebihi empat orang Pengarah Syarikat pada bila-bila masa.
- (ii) berhak untuk dibayar balik modal yang telah dibayar atas Saham Istimewa terdahulu daripada ahli-ahli lain sekiranya berlaku pembubaran Syarikat.
- (iii) berhak untuk meminta Syarikat menebus Saham Istimewa tersebut atas harga par pada bila-bila masa.

Beberapa perkara khususnya, di dalam perubahan Tataurusan Syarikat (termasuk Artikel yang berkaitan dengan had pegangan saham), sebarang jualan harta, penyatuan, penggabungan dan pengambilalihan mesti mendapat kelulusan daripada pemegang Saham Istimewa ini terlebih dahulu.

Pemegang Saham Istimewa ini tidak mendapat sebarang hak untuk mengundi semasa Mesyuarat Agung tetapi berhak untuk hadir dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

## NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

### 22 MANFAAT PERSARAAN

Kumpulan telah menubuhkan satu pelan Skim Manfaat Persaraan tanpa dana untuk kakitangan. Tanggungan Kumpulan di bawah Skim ini ditentukan berdasarkan penilaian aktuari setiap tiga tahun dengan menggunakan Kaedah Jangkaan Kredit Unit.

Kali terakhir Skim Manfaat Persaraan dinilai semula adalah pada tahun 2002. Pada tarikh tersebut, penilaian menunjukkan bahawa peruntukan untuk manfaat persaraan adalah mencukupi untuk mencapai nilai manfaat yang ditentukan secara aktuari.

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Pada permulaan tahun kewangan Dicajikan ke dalam penyata kewangan Sumbangan dibayar	17,313,265 3,374,217 (475,583)	14,381,428 3,091,419 (159,582)
Pada akhir tahun kewangan	20,211,899	17,313,265

Amaun yang diiktiraf dalam lembaran imbalan Kumpulan boleh dianalisis seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Nilai semasa obligasi tanpa dana Kos tak iktiraf perkhidmatan lepas Kerugian aktuari tak diiktiraf	20,655,929 (140,411) (303,619)	17,655,875 (280,822) (61,788)
Liabiliti dalam lembaran imbalan	20,211,899	17,313,265

Perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dapat dianalisis seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Kos perkhidmatan semasa	2,005,938	1,910,417
Kos faedah	1,227,868	1,040,591
Kos perkhidmatan lepas	140,411	140,411
Jumlah, termasuk dalam kos staf (Nota 6)	3,374,217	3,091,419

Andaian aktuari yang digunakan bagi pelan manfaat adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 %</b>	<b>2002 %</b>
Kadar diskain	7.00	7.00
Kadar jangkaan peningkatan gaji	5.00	5.00

### 23 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda dioffset apabila terdapat hak undang-undang yang boleh dilaksanakan untuk offset aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda adalah berkaitan dengan pihak cukai yang sama. Jumlah berikut yang ditetapkan selepas offset yang berpatutan ditunjukkan dalam lembaran imbangan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
Liabiliti cukai tertunda	11,856,000	8,005,000	-	-
Aset cukai tertunda	-	-	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<b>11,856,000</b>	<b>8,005,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Pada permulaan tahun kewangan	8,005,000	8,717,000	-	-
Dicajkan/(dikreditkan) ke dalam penyata pendapatan	3,851,000	(712,000)	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada akhir tahun kewangan	<b>11,856,000</b>	<b>8,005,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Aset cukai tertunda (sebelum offset)				
Manfaat persaraan	(5,660,000)	(4,848,000)	-	-
Lain-lain	(1,256,000)	(4,605,000)	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Offset	(6,916,000)	(9,453,000)	-	-
	<b>6,916,000</b>	<b>9,453,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Aset cukai tertunda (selepas offset)	-	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda (sebelum offset)				
Hartanah, loji dan peralatan	18,772,000	17,458,000	-	-
Offset	(6,916,000)	(9,453,000)	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Liabiliti cukai tertunda (selepas offset)	<b>11,856,000</b>	<b>8,005,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

# NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

## 24 PELARASAN TAHUN LEPAS

### Dividen

Pelarasan tahun lepas oleh Syarikat adalah berkaitan dengan dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2001, diluluskan oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun 2002, yang diakrukan sebagai liabiliti dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 December 2001. Selaras dengan dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat (Nota 3 (j)), dividen berkenaan diakrukan sebagai liabiliti dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

### Manfaat Pekerja


Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menukarkan dasar perakaunannya untuk mematuhi MASB 29 "Manfaat Pekerja".

Pada tahun-tahun sebelum ini, cuti tahunan yang tidak diambil boleh dibawa ke hadapan, tidak diakrukan dalam penyata kewangan. Kumpulan kini mengubah dasar perakaunannya bagi cuti tahunan yang tak digunakan dengan mengakru cuti yang dibawa ke hadapan dalam penyata kewangan.

Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah diambil kira sewajarnya.

Maklumat perbandingan telah dinyatakan semula seperti berikut:

	<b>Seperti dilaporkan sebelumnya</b> <b>RM</b>	<b>Kesan pelarasan</b> <b>RM</b>	<b>Seperti dinyatakan semula</b> <b>RM</b>
<b>Kumpulan</b>			
Keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2002	260,425,667	33,280,000	293,705,667
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	73,369,963	(621,682)	72,748,281
Dividen bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	43,200,000	33,280,000	76,480,000
Pembiutang pada 31 Disember 2002	18,752,773	621,682	19,374,455
<hr/>			
<b>Syarikat</b>			
Keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2002	47,040,659	33,280,000	80,320,659
Dividen bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	43,200,000	33,280,000	76,480,000
<hr/>			



## 25 PENUBUHAN SUBSIDIARI

Pada 20 November 2003 dan 17 Disember 2003 masing-masingnya, Syarikat membayar sejumlah RM2 dengan tunai untuk memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Biport Bulkers Sdn. Bhd., syarikat yang baru diperbadankan di Malaysia.

Kesan daripada langkah memperbadankan subsidiari tersebut terhadap hasil kewangan dalam tahun kewangan ditunjukkan di bawah:

	<b>2003 RM</b>
Hasil	
Kos operasi	(52,293)
<hr/>	
Kerugian daripada aktiviti biasa sebelum cukai	
Cukai	(52,293)
<hr/>	
Penurunan keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<b>(52,293)</b>
<hr/>	

Kesan daripada langkah memperbadankan subsidiari tersebut terhadap kedudukan kewangan dalam tahun kewangan adalah seperti ditunjukkan berikut ini.

	<b>2003 RM</b>
Baki bank	
Pembiutang dan akrual	2
<hr/>	
Liabiliti bersih bahagian Kumpulan	(52,293)
<hr/>	
	<b>(52,291)</b>
<hr/>	

Rumusan tentang kesan memperbadankan subsidiari terhadap aliran tunai Kumpulan pada tarikh perbadanan adalah seperti berikut:

	<b>2003 RM</b>
Baki bank	2
Nilai saksama aset bersih	2
<hr/>	
Jumlah pembelian dipertimbangkan	2
Tolak: Tunai dan bersamaan tunai bagi subsidiari	(2)
<hr/>	
Aliran tunai bagi perbadanan	-
<hr/>	

## NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

### **26 TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Tunai dan baki bank	8,917,465	12,661,619	2,704,889	304,951
Simpanan jangka pendek (Nota 19)	442,988,578	426,050,206	232,143,000	240,943,000
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tolak: Simpanan jangka pendek Dicagarkan untuk jaminan bank (Nota 19)	451,906,043	438,711,825	234,847,889	241,247,951
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
(2,633,000)	(2,633,000)	(18,000)	(18,000)	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	<b>449,273,043</b>	<b>436,078,825</b>	<b>234,829,889</b>	<b>241,229,951</b>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Tunai dan persamaan tunai dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

### **27 KEUNTUNGAN TERKUMPUL**


Syarikat mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 untuk memungkinkan pembayaran dividen daripada keseluruhan keuntungan terkumpul sebanyak RM39,278,140 (2002: kesemua) pada 31 December 2003.

### **28 KOMITMEN MODAL**

Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Diluluskan dan dikontrakkan:				
Hartanah, loji dan peralatan	392,551,540	67,541,211	-	-
Lain-lain	-	3,947,600	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<b>392,551,540</b>	<b>71,488,811</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan:				
Hartanah, loji dan peralatan	18,580,000	63,400,000	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<b>411,131,540</b>	<b>134,888,811</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Komitmen ke atas kontrak pembayaran masa depan bagi pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu bagi membina dan menaik taraf struktur pelabuhan dan kemudahan lain yang dilaksanakan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berjumlah RM7,880,601 (2002: RM24,115,773).



## 29 KOMITMEN PAJAKAN

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Komitmen sewa pajak:		
- dalam tempoh setahun	81,310,257	65,945,757
- antara satu hingga lima tahun	352,116,314	283,124,152
- lebih daripada lima tahun	1,542,191,678	1,417,811,097
	<hr/>	<hr/>
	<b>1,975,618,249</b>	<b>1,766,881,006</b>

Komitmen sewa pajak adalah berkenaan dengan sewa pajak untuk tanah, bangunan, dan struktur pelabuhan di Lembaga Pelabuhan Bintulu. Komitmen sewa pajak termasuk amanah RM736,569,017 (2002: RM481,007,194) yang merupakan komitmen sewa pajak di mana perjanjian dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu masih perlu dimuktamadkan. Sewa pajak akan tamat pada 31 Disember 2022.

## 30 URUS NIAGA PENTING DENGAN PIHAK BERKAITAN

Selain daripada penzahiran pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan di tempat lain dalam penyata kewangan, yang berikut ialah transaksi penting lain dengan pihak yang berkaitan. Transaksi dengan pihak berkenaan yang dinyatakan di bawah dilakukan dengan syarat dan keadaan yang tidak berbeza daripada transaksi yang dilakukan dengan pihak yang tidak berkaitan.

Urus niaga dengan subsidiari pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad:

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Pendapatan diterima dan belum diterima daripada Malaysia LNG Sdn. Bhd.	203,713,915	190,277,472
Pendapatan diterima dan belum diterima daripada ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd.	710,861	880,782
Pendapatan diterima dan belum diterima daripada MISC Agencies (Sarawak) Sdn. Bhd	2,083,797	1,905,867
Pendapatan diterima dan belum diterima daripada PS Terminal Sdn. Bhd.	776,921	690,700
Pembelian minyak dan minyak pelincir daripada Petronas Dagangan Berhad	(970,722)	(1,959,908)
	<hr/>	<hr/>

## 31 INSTRUMEN KEWANGAN

### Dasar dan objektif pengurusan risiko kewangan

Pendekatan risiko keseluruhan Kumpulan adalah untuk meminimumkan kesan pendedahannya kepada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan.

#### (a) Risiko Kadar Faedah

Perolehan Kumpulan dipengaruhi oleh perubahan dalam kadar faedah disebabkan adanya impak perubahan tersebut terhadap pendapatan faedah daripada tunai dan deposit jangka pendek.

# NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2003 (Bersambung)

## 31 INSTRUMEN KEWANGAN(BERSAMBUNG)

### (b) Risiko Kredit

Selain daripada hutang tertunggak daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu seperti yang dinyatakan dalam Nota 17, Kumpulan tidak mempunyai risiko kredit yang ketara. Risiko kredit diminimumkan dan dikawal melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan yang berkaitan.

### (c) Risiko Kecairan

Pegangan wang tunai dan deposit jangka pendek Kumpulan dijangka mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

### Nilai Saksama

Amaun bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat pada tarikh yang dinyatakan menggambarkan lebih kurang nilai saksama.

## 32 LAPORAN MENGIKUT SEGMENT

Analisis segmen untuk operasi Kumpulan tidak disediakan kerana Kumpulan hanya beroperasi dalam perniagaan segmen tunggal, menyediakan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak.

## 33 LIABILITI LUARJANGKA (TAK BERCAGAR)

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2003 RM</b>	<b>2002 RM</b>
Tuntutan daripada pemaju berkaitan projek perumahan staf, syarikat subsidiari	13,881,027	-

Seperti yang dijelaskan pada Nota 15 penyata kewangan, tuntutan ini ialah tuntutan oleh pemaju bagi projek perumahan staf oleh syarikat subsidiari, Bintulu Port Sdn. Bhd..

Berdasarkan pendapat dari segi undang-undang, para Pengarah berpendapat bahawa tuntutan ini tidak dapat dipenuhi.

## 34 ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan telah diselaraskan supaya akur dengan perubahan akibat daripada pelarasan tahun lepas seperti yang dijelaskan pada Nota 24.

## 35 KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi para pengarah pada 26 Februari 2004.